

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]

TARIKH : 12.3.2018 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini ke atas proses penambahbaikan terhadap garis panduan kaedah hukuman terhadap pelajar sekolah yang melakukan salah laku disiplin

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) buat masa kini sedang meneliti *Education (School Discipline) Regulations, 1959* yang masih berkuatkuasa bagi tujuan penambahbaikan dalam menangani isu salah laku disiplin murid di sekolah. Bagi tujuan pelaksanaan hukuman terhadap murid yang disabitkan dengan salah laku disiplin oleh Jawatankuasa Disiplin Sekolah, KPM telah mengeluarkan Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru di samping Surat Pekliling Ikhtisas (SPI) dan Surat Siaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa sebagai rujukan dan panduan pihak sekolah.